



Konflik dan Kompromi antara Islam dan Kristian Di Negeri-Negeri Selat Pada Abad Ke-19

Sivachandralingam Sundara Raja

Jabatan Sejarah, Universiti Malaya
siva@um.edu.my



OBJEKTIF



- **Memperinci peranan yang dimainkan oleh golongan mubaligh Kristian dalam menyebarkan agama Kristian dan menerbitkan karya-karya Kristian serta Islam.**
- **Reaksi masyarakat Islam terhadap kehadiran dan aktiviti mubaligh Kristian di Negeri-negeri Selat pada abad ke-19.**



ASAL-USUL KEGIATAN MUBALIGH DI NEGERI-NEGERI SELAT



- **Kegiatan mubaligh secara pesat dapat di kesan di Negeri-negeri Selat dengan penubuhan London Missionary Society di England pada 1795.**
- **Objektif perubahan adalah untuk menyebarkan agama Kristian di negara luar, menerbit dan mengedar tulisan agama Kristian dalam bahasa vernakular, menubuhkan sekolah mubaligh dan melakukan propaganda.**
- **Kegiatan persatuan ini amat ketara di China, India dan Afrika.**
- **Persatuan ini menubuhkan cawangannya di Melaka pada 1815.**



LONDON MISSIONARY SOCIETY MELAKA



- **LMS Melaka 1815 di asaskan oleh Robert Morrison.**
- **Pendita William Milne telah mengembangkan agama Kristian di Melaka dan di Kepulauan Melayu.**
- **Untuk mencapai matlamat ini Milne dan Marrison membentuk “Ultra Ganges Mission” dan ini menandakan permulaan gerakan LMS di Tanah Melayu.**
- **Milne menubuhkan Kolej Anglo China dan**
- **syarikat penerbitan Kristian.**





- **London Missionary Society menyediakan pendidikan melalui Kolej Anglo-Chinese dan sekolah-sekolah vernakular di Negeri-negeri Selat.**
- **Objektif - memajukan kesusasteraan Kristian dan melatih pemimpin Cina bagi menyebarkan agama Kristian di tempat-tempat yang tidak dapat dikunjungi oleh orang Barat.**





- **Milne juga terjemahkan Kitab Injil kedalam bahasa Cina dan Melayu.**
- **Membuktikan orang Melayu menerima kehadiran LMS tanpa protes.**
- **Ini bertentangan dengan pandangan sarjana seperti Ghazali Basri dan lain-lain yang menegaskan British tidak berjaya mengembangkan agama Kristian dalam kalangan rakyat tempatan.**



KOMPROMI ISLAM DAN KRISTIAN



Melaka

- **Bukti tolak ansur antara agama Islam dan Kristian adalah berdasarkan penerbitan pelbagai buku agama Kristian dalam bahasa Melayu.**
- **Di Melaka badan mubaligh telah menerbitkan tiga majalah utama dalam bahasa Melayu dan Cina, iaitu *Bustan Arifin*, *Indo-Chinese Gleaner* dan *Malacca Chinese Monthly*.**
- **Majalah Melayu *Bustan Arifin* - diterbitkan sebanyak enam jilid antara 1821-1822.**
- **Majalah ini bertujuan untuk menyampaikan pengetahuan am kepada orang Melayu. Penerbitan majalah Melayu adalah usaha ulung untuk menghasilkan jurnal Melayu bersifat kesarjanaan di NNS.**



- **Majalah yang diterbitkan dalam bahasa Cina, *Indo-Chinese Gleaner* (1817-1822) mempunyai maklumat tentang penulisan Melayu dan Islam dan ringkasan teks-teks agama, kegiatan mubaligh di India dan moral kaum Cina.**
- **Majalah ini diedarkan di dalam dan luar negara. Sebuah lagi majalah iaitu *Malacca Chinese Monthly* diterbitkan pada 1815 dan mempunyai maklumat tentang pengetahuan am dan agama Kristian.**
- **Sebanyak 500 naskah dicetak setiap bulan dan diedarkan di Kepulauan Melayu. Kemunculan majalah-majalah ini menunjukkan kesungguhan Inggeris untuk menyebarkan agama Kristian dalam kalangan penduduk bukan Islam tetapi kesannya tetap dirasakan oleh orang Melayu.**



- **Thomsen menjual syarikat penerbitannya kepada American Board of Commissioners for Foreign Missions (ABCM) yang kemudian menjalankan kegiatan penyebaran agama Kristian di Singapura.**
- **Mubaligh Amerikalah yang bertanggungjawab dalam menterjemahkan *Hikayat Pelayaran Abdullah (Abdullah's Travel Narrative)* dan Kitab Injil Baru (*The New Testament*) ke dalam bahasa Melayu.**
- **Benjamin Peach Keasberry tokoh utama dalam badan ini telah bekerja dengan orang Melayu. Pada 1839 Keasberry menyertai London Missionary Society dan terlibat secara langsung dalam penerbitan bahan-bahan dalam bahasa Melayu.**
- **Pada 1843, Keasberry menubuhkan gereja kecil (*Chapel*) Melayu yang pertama bagi memenuhi keperluan orang Cina yang lahir di Singapura dan fasih berbahasa Melayu.**



Pulau Pinang

- Aktiviti mubaligh di Pulau Pinang diketuai oleh Pendita Thomas Beighton (1790-1844).
- Hasil tulisan yang diterbitkan di bawah pimpinan beliau ialah *Religion of the Bible, Fourth Commandment* dan *The Beatitudes*.
- Terdapat juga beberapa penerbitan bersifat kontroversi seperti *Comparison of the Religion of Jesus with the Religion of Mohammed, The Rise of Christianity* dan risalah dengan tajuk seperti Pengajaran (*Spiritual Lessons*).
- Kesemua penerbitan ini diterbitkan oleh Mission Press.



HUBUNGAN RAJA MELAYU DAN MUBALIGH KRISTIAN



- Berdasarkan Laporan Rekod-rekod Negeri-Negeri Selat - mubaligh Kristian telah mencatatkan bahawa sewaktu mereka melawat Negeri-negeri Melayu, didapati raja-raja Melayu memiliki karya-karya Kristian dan Kitab Injil dalam simpanan mereka.
- Ini dapat diperhatikan dalam istana raja Perlis, Terengganu dan Pahang.
- Ada teori yang mengatakan laporan yang ditulis oleh mubaligh tentang raja-raja Melayu inilah yang telah mendorong Temenggung Johor, Temenggung Ibrahim menghantar dua orang puteranya ke sekolah Keasberry pada 1840.
- Walaupun matlamat mubaligh untuk mengkristiankan orang Melayu tidak berjaya tetapi mereka bertanggungjawab merangsang pemulihan Islam (*provoke Islamic revival*).



- **Beighton, seorang mubaligh di Pulau Pinang mempunyai hubungan baik dengan Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah.**
- **Maklumat ini terkandung dalam surat-surat mubaligh yang tersimpan di School of Oriental and African Studies London. Beighton bertemu dengan Sultan buat pertama kali pada 1821 dan bersama rakannya John Ince telah mengedarkan risalah Kristian di Kedah.**
- **Kitab Injil Baru ditinggalkan di istana Kedah dan telah dibaca oleh Sultan. Baginda menyebut sebahagiannya di terima oleh penganut Islam dan bukan keseluruhan.**
- **Seorang lagi mubaligh, W.H.Medhurst pula telah diminta oleh Sultan Terengganu untuk menjelaskan dengan lebih lanjut tentang apa yang dinyatakan dalam Kitab Injil tentang Hari Penghakiman (*Judgement Day*) dan Hari Mendatang (*World to Come*).**
- **Di Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar telah bertemu dengan mubaligh Katholik P.Favre di Jelebu pada 1850-an dan telah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap beberapa undang-undang dan adat Islam.**



PENUBUHAN SEKOLAH MELAYU OLEH MUBALIGH



- **Di Melaka, Claudes Thomsen ahli LMS telah membuka sekolah Melayu pada 1820 dengan objektif mengajar kanak-kanak membaca dan memahami Kitab Injil Baru [*New Testament*].**
- **Untuk meneruskan usaha ini beliau telah menggunakan khidmat guru-guru Muslim untuk mengelakkan rasa curiga orang Melayu.**
- **Beratus pelajar Melayu dilaporkan telah membaca Kitab Injil Baru dalam bahasa Melayu.**



- **Thomas Beighton seorang lagi mubaligh dari LMS telah membuka sekolah Melayu pada 1819 di Pulau Pinang dan sekolah ini mempunyai 60 orang pelajar. Dilaporkan pelajar Melayu boleh membaca Kitab Injil.**
- **Di Singapura pula penduduknya mendapat rangsangan dengan kemunculan Benjamin Keasberry dari Amerika yang menubuhkan sekolah asrama pada 1840 di Kampung Glam.**
- **Di sekolah ini tidak diajar matapelajaran Quran dan pelajar diminta menghadiri gereja Keasberry pada setiap hari Ahad dan terlibat dalam pembacaan Kitab Injil. Walaupun tidak berlaku pemelukan agama Kristian tetapi ada pelajar Melayu yang telah menerima agama Kristian dengan rela hati.**



- **Dikatakan juga mereka yang mendapat ilmu di sekolah ini kemudiannya telah berjaya mendapatkan pekerjaan yang penting.**
- **Sekolah Keasberry juga berjaya menarik perhatian kerabat diraja. Temenggung Johor, Temenggung Ibrahim (1825-1864) telah menghantar dua orang puteranya ke sekolah ini pada 1846.**
- **Laporan Pentadbiran Negeri-Negeri Selat, 1856-57 pula melaporkan ramai ahli kerabat diraja telah mendapat pendidikan di sekolah ini. Mereka terdiri daripada dua orang kekanda Sultan Kedah, seorang putera Sultan Johor dan ramai ahli kerabat diraja dari Kedah dan Johor.**



- Sekolah Keasberry dikatakan bertanggungjawab dalam mempengaruhi pemerintah Johor, Sultan Abu Bakar (1864-1895) untuk bersedia bagi memoden dan membaratkan pentadbiran negeri dan pemerintahannya menjalankan toleransi agama.
- Abu Bakar juga menyokong sekolah Keasberry di Singapura dan pada 1865 menubuhkan sekolah Inggeris di Johor Baharu yang dikelolakan oleh seorang guru agama Kristian dengan berasaskan sukatan Inggeris dan sekolah ini tidak mengajar tatabahasa Arab, logik dan pengajian Quran.
- Baginda juga membenarkan pembinaan gereja dan bertolak ansur terhadap agama Kristian dan orang Eropah.
- Kemuncak kepada dasar terbuka baginda adalah apabila undang-undang Islam Johor dipinda pada 1863 supaya ia lebih sesuai/ selesa dengan idea-idea Eropah.



KONFLIK ANTARA KRISTIAN DAN ISLAM



- **Konflik antara Islam dan Kristian bermula apabila adanya penulisan yang terang-terang memperkecilkan Islam.**
- **Ini dapat diperhatikan dengan kemunculan penerbitan C.H. Thomsen yang berupa buku kecil nyanyian suci dan risalah tentang “*Human Depravity*”, “*The Being of God*”, “*An exposition on the Commandments*” dan treati 16 halaman tentang prinsip doktrin ajaran Kristian.**
- **Aktiviti Thomsen telah melahirkan bantahan daripada penduduk tempatan, khususnya daripada para ulama Islam Singapura. Mereka dikatakan telah menolak untuk menerima risalah-risalah agama dan juga telah mengambil usaha menghalang orang lain daripada menerima risalah agama ini.**



- **Pemimpin Melayu pada waktu ini berpandangan penulisan ini bersifat tidak sopan, menghina dan memperkecilkan Islam dan penganutnya.**
- **Pemimpin Melayu terganggu dengan cara bagaimana bahan-bahan ini dengan mudah sampai kepada mereka. Orang Melayu mengadu kepada gabenor Pulau Pinang S. G. Bonham dan mahukan Beighton dihalang daripada mengedarkan risalah seumpama ini.**
- **Beighton pula berjaya meyakinkan Gabenor bahawa kebanyakan daripada penulisan beliau adalah kerja terjemahan dan bertujuan untuk merangsang inkuiri.**



- **Penjelasan ini terkandung dalam surat beliau kepada penganut Islam yang mana dalamnya beliau menegaskan Abdullah Munsyi telah membantunya dalam menterjemahkan karya-karya ini. Ini bererti tidak harus timbul prasangka kerana Abdullah sendiri sebagai seorang Muslim tidak nampak penulisan tersebut menghina Islam.**
- **Menarik juga untuk diperhatikan bahawa Beighton telah mengambil seorang kanak-kanak Melayu sebagai anak angkat, membaptiskannya dan menamakannya Thomas John Ince.**
- **Apabila budak ini meninggal, Beighton telah menerbitkan sebuah buku bertajuk *The Story of Tom that is Thomas J. Inche Who was Loyal and Dedicated to Christianity as Stated.***



RUMUSAN



- Berdasarkan perbincangan dapat diperhatikan terdapat penerimaan dan penolakan masyarakat Islam terhadap agama Kristian di Negeri-negeri Selat.
- Kesanggupan orang Islam membaca Kitab Injil, menghadiri gereja Kristian, mendapat pendidikan di sekolah mubaligh adalah sesuatu yang sukar diterima kerana mereka memang sensitif terhadap penyebaran agama Kristian oleh mubaligh.
- Walaupun masyarakat Melayu sensitif tetapi kebanyakan raja-raja Melayu bersifat terbuka dalam hal ini. Laporan Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Selat dan Laporan Pentadbiran Negeri-Negeri Selat menunjukkan pentadbir Inggeris memang sedar apa yang mereka lakukan di sekolah-sekolah mubaligh.



- **Segala langkah yang diambil oleh mubaligh Kristian dalam menerbitkan buku dan penubuhan sekolah adalah usaha halus untuk melahirkan masyarakat Melayu yang berfikiran terbuka. Dalam proses jangka panjang mereka ingin melahirkan masyarakat yang terbuka melalui agama Kristian.**
- **Usaha ini memang berjaya kerana pada dekad-dekad seterusnya telah ada inisiatif untuk merevolusikan mental masyarakat Melayu dengan kemunculan Kaum Muda dalam gerakan nasionalisme Melayu.**
- **Penulisan ini hanyalah satu kajian awal untuk meneliti kompromi dan konflik antara Islam dan Kristian di NNS. Kajian yang lebih lanjut dengan merujuk sumber-sumber mubaligh abad ke-19 yang terdapat dalam simpanan luar negara akan dapat memberikan maklumat yang lebih menyeluruh.**



TERIMA KASIH

siva@um.edu.my